

PRASANGKA DAN DISKRIMINASI (Part 3)

Izwyn Binti Zulkapri, Khalifah Mastura Binti Hassan & Nurul Sa'adah Binti Sabdin

DISKRIMINASI

Diskriminasi merujuk kepada pelayanan yang tidak adil terhadap individu tertentu, di mana layanan ini dibuat berdasarkan kumpulan yang diwakili oleh individu berkenaan (Sears, Freedman & Peplau, 1999). Diskriminasi merupakan suatu amalan yang biasa dijumpai dalam masyarakat manusia. Ia berpunca daripada kecenderungan manusia untuk membezakan orang lain. Dalam psikologi, diskriminasi bererti kemampuan membezakan berbagai rangsangan. “*Discrimination*” menurut Webster's Third International Dictionary, adalah *discriminare* (Latin) yang bererti 'membezakan'.

Menurut The New Oxford Dictionary of English (1998), erti *discrimination* adalah (1) perlakuan tidak adil dan berprasangka dalam kategori- kategori berbeza terhadap orang atau hal, terutamanya atas dasar ras, umur, dan jantina. Contohnya, mangsa diskriminasi kaum. Erti lain yang diberikan ialah (2) pengakuan dan pemahaman atas perbezaan suatu hal dari hal yang lain, misalnya diskriminasi antara benar dan salah: kemampuan membezakan apa yang berkualiti, penilaian baik, dan selera tinggi.

Diskriminasi dianggap sebagai sesuatu yang tidak adil berdasarkan prinsip "setiap manusia harus diberi hak dan peluang yang sama" (Bahasa Inggeris: *Equal Opportunity*). Diskriminasi boleh berlaku dalam pelbagai konteks. Ia boleh dilakukan oleh orang perseorangan, institusi, firma, malah oleh kerajaan. Terdapat pelbagai perlakuan yang boleh dianggap sebagai diskriminasi, perlakuan diskriminasi yang ketara adalah seperti berikut:

1. Seorang peniaga enggan berurusan dengan seorang pelanggan berdasarkan kumpulan yang diwakilinya.
2. Seorang majikan memberi gaji yang tidak setimpal dengan sumbangannya kepada pekerja berdasarkan kumpulan yang diwakilinya.
3. Sebuah institusi pendidikan enggan menerima seorang pelajar, walaupun dia mempunyai kelayakan dan masih mempunyai kekosongan dalam institusi berkenaan, disebabkan individu berkenaan mewakili kumpulan tertentu.

